

TERMINOLOGI DAN SINONIM BAGI ISTILAH WASWAS: SUATU HURAIAN DESKRIPTIF

Mohd Zahir Bin Abdul Rahman
Calon Doktor Falsafah Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800
Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Tel: 019-4963026 E-Mail: mx_rahman@yahoo.com

Robiatul Adawiyah Mohd@Amat
Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Tel: 019-2605430 E-Mail: adawiyah@usim.edu.my

Mohd Zohdi Mohd Amin
Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Tel: 012-2612396 E-Mail: zohdi@usim.edu.my

Zul Azlin Razali
Pakar Psikiatri Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan di Universiti Sains Islam Malaysia,
Level 13, Menara B, Persiaran MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah,
55100 Kuala Lumpur.
Tel: 013-9333955 E-Mail: zulazlin@usim.edu.my

Abstrak

Waswas merupakan gangguan yang bersifat halus yang wujud sejak penciptaan Nabi Adam AS dan Hawa oleh Allah SWT dan masih diperbincangkan sehingga hari ini samada dari sudut definisi, pembahagian, penyebab dan rawatan. Istilah waswas disebut di dalam al-Quran sebanyak lima kali dalam pelbagai wazan di dalam empat surah. Namun, perbincangan mengenai sinonim bagi istilah waswas menurut para sarjana Islam masih kurang diberi perhatian. Justeru, kajian membincangkan satu hubungan istilah waswas dengan istilah yang sinonim menurut perbincangan sarjana Islam. Kajian ini menggunakan sepenuhnya metode kualitatif dalam komponen dokumentasi melalui Kitab Fiqh, Tasawwuf dan Psikologi. Hasil kajian mendapati terdapat lima istilah yang dihubungkan dengan istilah waswas iaitu khawatir, syak, wara', ihtiyat dan ilham. Kelima-lima istilah ini menunjukkan perbezaan yang ketara dengan istilah waswas.

Kata Kunci: Waswas, Khawatir, Syak, Wara', Ilham.

Pengenalan

Waswas merupakan gangguan yang sering terjadi kepada manusia. Gangguan ini merupakan isu yang berkait rapat dengan aspek psikologi dan spiritual. Gangguan waswas sering kali menimbulkan keresahan dan kebimbangan dalam diri. Namun, tahap keresahan dan

keimbangan adalah berbeza bagi setiap individu. Para sarjana Islam berbeza pandangan mengenai istilah waswas dan istilah sinonim yang mempunyai hubungkait dengannya. Justeru, perbincangan dalam kajian ini akan mengupas terminologi waswas dan istilah sinonimnya dalam bentuk kontekstual bagi mencari titik persamaan dan perbezaan.

Definisi Waswas Dari Sudut Literal

Waswas merupakan istilah bahasa Arab yang telah digunakan dalam istilah bahasa Malaysia. Terdapat sebanyak lima perkataan waswas di dalam al-Quran di bawah kata kunci *al-waswas*, *waswas*, *yuwaswis*, *fawaswas* dan *tuwaswisu* dalam empat surah iaitu surah al-Nas, al-A'raf, Toha dan Qaf⁶⁴. Definisi waswas mempunyai tafsiran yang pelbagai terutama daripada sarjana-sarjana Islam. Dari sudut bahasa Arab, waswas diambil dari huruf و dan س iaitu [وسس] maka menjadi [وسس] yang memberi makna “bisik” kemudian diulang sebanyak dua kali maka menjadi [وسوس] yang membawa maksud suara halus atau suara perlahan seperti angin.⁶⁵

Perkataan waswas daripada kata terbitan waswas-waswasah-wiswasan [وسوس-] [وسوسة- وسواسا]. Manakala kalimah al-Waswas [الوسواس] ditakrifkan sebagai syaitan oleh Ibn Kathir⁶⁶. Justeru, perkataan waswas menunjukkan suatu suara yang tidak kuat dan dikatakan suara hati, yang digoda oleh syaitan kepada anak Adam. Menurut Al-Raghib dalam kitabnya merujuk terma waswas kepada lintasan hati yang jahat yang datang sekali sekala, suara yang halus dan bisikan yang samar-samar. Manakala istilah waswas yang digunakan oleh Hans Wehr⁶⁸ dengan merujuk kepada bisikan jahat atau godaan syaitan yang membangkitkan keraguan yang menimbulkan rasa bersalah, perasaan cemas, ragu-ragu, perasaan tidak selesa, bimbang dan syak. Manakala menurut definisi yang diberikan dalam Kamus Dewan⁶⁹, waswas mempunyai dua makna. Pertama: Perasaan sangsi, curiga dan khuatir. Kedua: Sangkaan buruk yang merungsingkan hati, fikiran dan godaan batin.

64 Muhammad Fuad ‘Abd al-Baqiy (2002) *Mu’jam Mufahras Li Alfaz al-Quran al-Karim*. Beirut: Dar al-Makrifah, 395, 953-954, 1051.

65 Al-Mawsu’ah al-Fiqhiyyah (1983) *Quwaid: Wizarah al-Awqaf wa al-Syuun al-Islamiyyah*, Vol. 43, 146.

66 Isma’il bin ‘Umar bin Kathir al-Qurashiy al-Dimasyqi (1999) *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. Riyadh: Dar al-Taybah, 540.

67 Al-Raghib al-Asfahani (2009) *Mufaradat al-Faz al-Quran*. Dar al-Qalam, 869.

68 Hans Wehr, *A Dictionary of Modern Written Arabic*. ed 4. Urbana: Spoken Language Services Inc, tth, 1070.

69 Noresah bt Baharom (2016) *Kamus Dewan edisi 4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1803.

Definisi Waswas Dari Sudut Istilah

Secara umumnya, terdapat dua kumpulan dalam membahaskan definisi waswas. Kumpulan pertama menjelaskan waswas merupakan suara yang tersembunyi atau bisikan hati berpunca daripada syaitan (Imam al-Qurtubi, 2006⁷⁰), (al-Tabari, 1994⁷¹) dan (Ibn Kathir, 1999⁷²).

Kumpulan kedua mendefinisikan waswas sebagai bisikan kejahatan dalam jiwa dan fikiran yang penuh keterpaksaan yang berasal daripada suara yang menarik perhatian dan suara yang samar-samar yang perlahan yang tidak mempunyai kebaikan sehingga memberi kesan kepada tindakannya (Tontawi⁷³), (al-Syarqawi⁷⁴), (al-Raghib⁷⁵), (Ibn Qayyim⁷⁶) dan (Dusuki⁷⁷).

Definisi ini telah diperincikan oleh sarjana Islam yang lain. Antaranya al-Mawardiyy, tth⁷⁸ yang membahagikan punca waswas kepada dua iaitu syaitan dan hawa (keinginan). Keinginan yang dimaksudkan adalah keluarnya keyakinan dalam jiwa seseorang akibat dari bisikan halus sehingga terpedaya terhadap diri sendiri.

Al-Baqali⁷⁹ menyatakan terdapat tiga peringkat waswas iaitu bermula dengan waswas melalui bisikan dalam hati yang cenderung kepada syahwat. Peringkat kedua, waswas daripada syaitan yang cenderung kepada kekufuran, bid'ah dan melampau batas. Manakala peringkat ketiga daripada waswas al-Qahriyy yang terarah kepada pembaziran. Al-Khazin⁸⁰, menjelaskan bahawa bisikan ini difahami oleh hati tetapi tidak didengari oleh pendengaran.

70 Abi 'Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr al-Qurtubi (2006) *Al-Jami' Li Ahkam al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah, Vol. 9, 175.

71 Muhammad bin Jarir Ibn Yazid Ibn Ghalib al-Tobari al-Amuli (1994) *Tafsir al-Tobari, Jami' al-Bayan Min Kitabihi 'An al-Ta'wil Ay al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah, 587.

72 Isma'il bin 'Umar bin Kathir al-Qurashiy al-Dimasyqi (1999) *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Riyadh: Dar al-Taybah, 540.

73 Muhammad Sayyid Tantawi (1985) *Tafsir al-Wasit li al-Quran al-Karim*. Mesir: ttp. Vol. 7, 31.

74 Hasan Muhammad Syarqawi (2002) *Nahwa 'Ilm-Nafs Islami. Iskandariyah: Muassasah Shabab al-Jami'ah*, 127.

75 Al-Raghib al-Asfahaniy (2009) *Mufradat al-faz al-Quran*. Beirut: Dar al-Qalam, 869.

76 Ibn Qayyim, t.th, *Tafsir al-Qayyim*. Beirut: Dar Kutub al-'Ilmiyyah, 608.

77 Haji Dusuki Haji Ahmad (2012) *Kamus Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors, 939.

78 'Ali Bin Muhammad bin Habib al-Mawardiyy al-Basriyy. tth. *Al-Nukat wa al-'Uyun Tafsir al-Mawardiyy*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 379.

79 Ruzbihan Baqli al-Shirazi (2008) *'Arais al-Bayan fi Haqaiq al-Quran*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Vol. 3, 537.

80 'Ala al-Din 'Ali bin Muhammad bin Ibrahim al-Baghdadi al-Syahir bi al-Khazin (2004) *Lubab al-Ta'wil Fi Ma'ani al-Tanzil*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 503.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa, gangguan waswas tidak hanya melibatkan peranan syaitan semata-mata namun, turut melibatkan elemen jiwa yang tidak terarah kepada individu beragama Islam atau bukan Islam. Walaupun perbincangan sarjana Islam terdahulu melibatkan tafsir-tafsir *bi al-Mathur* lebih terarah kepada peranan syaitan sebagai punca berlakunya waswas, namun sebahagian pandangan sarjana Islam menunjukkan sebaliknya. Sehubungan dengan itu, dapat difahami bahawa waswas merupakan bisikan secara keterpaksaan di dalam diri manusia samada dipengaruhi oleh syaitan ataupun jiwa seseorang sehingga menjadikan tindakan dalam perbuatan itu berlaku secara berulang kali sebagai solusi sehingga mencetuskan kebimbangan dan kerisauan.

Perbincangan Sinonim Bagi Kalimah Waswas

Keraguan masyarakat terhadap istilah waswas sering dikaitkan dengan istilah seperti syak, ragu-ragu, berhati-hati dan bisikan. Oleh itu, kajian mendapati beberapa karya sarjana Islam yang memperincikan dan menghubungkan istilah waswas dengan beberapa istilah yang lain. Berdasarkan kitab *Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*⁸¹ waswas dihubungkan dengan istilah *al-wara'*, *ihtiyat* dan *ilham*. Manakala dalam kitab *al-Waswas al-Qahriy* karya Toriq⁸² mengaitkan waswas dengan syak. Bagi al-Ghazali⁸³ dalam kitab *Ihya' 'Ulum al-Din*, menjelaskan terdapat hubungan antara waswas dan Khawatir. Al-Qushairiy⁸⁴, menjelaskan hubungan waswas dengan *ilham*, dan *khawatir* al-Sahihah. Bagi merealisasikan keseluruhan pandangan ini, kajian merumuskan lima perbincangan yang dianggap menjurus kepada istilah waswas iaitu syak, *al-khawatir*, *ilham*, *ihtiyat* dan *al-wara'*.

Perbincangan Tentang Syak

Secara etimologi, perkataan syak [شك] adalah bentuk *masdar* dari *fi'il madi*. Menurut Al-Baqi⁸⁵ perkataan syak diulang sebanyak 15 kali di dalam al-Quran dan merupakan lawan dari perkataan yakin⁸⁶. Syak dari sudut bahasa mempunyai beberapa makna. Ibn Faris⁸⁷ dalam

81 Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah (1983) Quwid: Wizarah al-Awqaf wa al-Syuun al-Islamiyyah. Vol. 6, 188.

82 Dr. Toriq bin 'Ali Habib (2003) *al-Waswas al-Qahriy Mard al-Nafsiy Am Ahadith Syaitaniyyah*. Riyad: Maktabah.Malik Fahd, 25.

83 Abu Hamaid al-Ghazali (2004) *Ihya' 'Ulum al-Din*. Qaherah: Dar al-Hadith. Vol 3, 59.

84 'Abd al-Karim al-Hawazin bin 'Abd Malik Qushairiy al-Naisaburi al-Syafe'i (2007) *Lataif al-Isyarat*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Vol. 3, 464.

85 Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi (2002) *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Quran al-Karim*. Beirut: Dar Ma'rifah. 624.

86 Muhammad bin Abi Bakr bin 'Abd al-Qadir al-Razi (1989) *Mukhtar al-Sihah*. Beirut: Maktabah Lubnan, 302.

87 Ibn Faris. tth. *Mu'jam Maqayyis al-Lughah*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Vol. 3, 173.

Mu'jam Maqayyis al-Lughah mendefinisikan syak sebagai gangguan atau berlawanan dengan kepastian. Menurut Ahmad Maghrabi⁸⁸, syak merujuk kepada sesuatu yang teragak-agak.

Dari sudut istilah, al-Jurjani⁸⁹ dalam *Mu'jam al-Ta'rifat* mendefinisikan syak sebagai keraguan, kebingungan di antara dua perkara yang berlawanan tanpa keyakinan. Definisi ini turut disokong oleh Dusuki⁹⁰ dalam *Kamus Pengetahuan Islam*. Manakala berdasarkan kitab *Mawsu'ah Fiqhiyyah*⁹¹ syak merujuk kepada ragu-ragu atau berkisar antara dua perkara sekalipun ada yang lebih menonjol. Manakala bagi pandangan *Usuliyin*, syak merupakan keraguan di antara dua perkara, jika keduanya seimbang, maka disebut syak. Jika tidak seimbang, maka yang lebih dikenali dan disebut dengan perkataan *dzan* [ظن] dan yang lemah disebut salah duga (*al-wahm*). Perbincangan ini diperincikan secara lanjut oleh Zainal al-'Abidin Ibrahim al-Syahir ibn Nujaim⁹² dengan mengaitkan istilah-istilah ini dengan lima keadaan hati iaitu:

1. *Yakin*, iaitu keteguhan hati yang bersandar pada dalil qat'iy iaitu petunjuk yang pasti dengan kebolehpercayaan pada tahap 100%.
2. *I'tiqad*, iaitu keteguhan hati yang tidak bersandar pada dalil qat'iy.
3. *Zhan*, iaitu persepsi atau dugaan hati terhadap dua hal berbeza, dimana salah satunya lebih kuat. Perkara ini dianggap sebagai kebolehpercayaan ada tahap 50% > ke atas.
4. *Syak* iaitu bentuk prasangka terhadap dua keadaan tanpa membenarkan salah satu di antara keduanya. Keadaan ini pada tahap kepercayaan pada tahap seimbang iaitu nisbah 50:50.
5. *Wahm* adalah kemungkinan yang lebih lemah dari dua hal yang belum terbukti Islam tikebenarannya. Perkara ini boleh dianggap sebagai kebolehpercayaan yang berada pada tahap 50% < ke bawah.

88 Ahmad al-Maghrabi. tth. Al-Misbah al-Munir. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 167.

89 'Ali bin Muhammad al-Sayyid al-Sharif al-Jurjani (2000) *Mu'jam al-Ta'rifat*. al-Qaherah: Dar al-Fadhilah, 110.

90 Haji Dusuki Haji Ahmad (2012) *Kamus Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors, 798.

91 *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah* (1983) Quwaid: Wizarah al-Awqaf wa al-Syuun al-Islamiyyah. Vol. 26, 184.

92 Zainal al-'Abidin Ibrahim al-Syahir ibn Nujaim (1985) *Ghamzu 'Uyun al-Basa'ir Hasyiah 'ala Asybahwa al-Nazair*. Beirut: Dar Kutub al-'Ilmiyyah. Vol. 1, 193.

Terdapat juga kalimah di dalam al-Quran yang menjelaskan makna ragu-ragu iaitu istilah al-Raib [ريب] sepertimana definisi yang diberi oleh Jurhani. Secara umumnya, kalimah al-Raib [ريب] merupakan gabungan antara syak dan tohmah⁹³. Ragu-ragu dalam istilah [ريب] berlaku jika ada keengganan dalam hati di tambah dalam bentuk perlakuan. Jika berlaku hanya keraguan sahaja di dalam hati maka dinamakan sebagai syak.

Definisi ini diperincikan oleh Asyumi⁹⁴ yang menyatakan bahawa syak merupakan suatu pertentangan antara kepastian dengan ketidakpastian tentang kebenaran dan kesalahan dengan kekuatan yang sama, yang membawa maksud tidak dapat *ditarjihkan* atau dipastikan salah satunya. Hakikatnya, syak boleh terjadi apabila hati seseorang sentiasa berbolak-balik dalam membenarkan atau menolak gambaran mengenai sesuatu yang sampai kepadanya⁹⁵.

Dari aspek penggunaan dalam masyarakat Melayu, syak menurut Kamus Dewan⁹⁶ adalah rasa kurang percaya, curiga, sangsi, waswas. Istilah waswas turut sama diselitkan di dalam penakrifan ini kerana kesesuaiannya dalam persekitaran masyarakat rumpun Melayu. Namun, Uthaimin⁹⁷ dalam *Sharh Arba'in* menjelaskan waswas boleh terjadi dengan kekerapan syak berulang kali.

Berdasarkan perbahasan di atas, jelas menunjukkan syak merupakan keraguan terhadap ketidakpastian di antara dua perkara secara seimbang. Ini bermakna kepastian untuk memilih di antara dua pilihan adalah sama banyak iaitu dalam purata 50/50. Namun, jika syak ini terjadi dalam secara berulang-ulang dikhuatiri boleh membawa kepada waswas. Di samping itu, kefahaman syak turut sama dinisbahkan kepada waswas dalam penakrifan Kamus Dewan. Justeru, dari aspek penakrifan dari tatabahasa Arab sudah semestinya kekeliruan ini tidak timbul namun kekeliruan ini bersangkutan dalam konteks penakrifan dalam masyarakat di Malaysia. Menurut Ba'lawi⁹⁸, jika suara hati itu berdasar pada hukum asal iaitu bukti lain, misalnya kebiasaan anak kecil tidak bersuci ketika kencing kemudian dia menempel pada seseorang yang sedang solat), maka ini disebut syak. Manakala jika bisikan

93 Tohmah yang dimaksudkan di sini adalah tohmahan orang kafir Quraish terhadap al-Quran dengan mengatakan al-Quran ini karangan Muhammad; Sheikh Soleh al-Kurbasiy, 7 Februari 2017. Markaz al-Ish'a' al-Islamiy. <https://www.islam4u.com/ar/daily-questions/%D9%85%D8%A7>

94 Asyumi A Rahman (1976) *Qaidah-qaidah fiqh*. Jakarta: Bulan Bintang.

95 Wan Adli Wan Ramli, Mohamad Kamil Hj Ab Majid (2011) *Falsafah Ilmu Islam dalam Aplikasi Praktikal*. Jurnal Usuluddin. Vol. 33, 15.

96 Kamus Dewan ed 4 (2016) Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka, 1558.

97 Muhammad Saleh bin Uthaimin (2004) *Sharh al-Arba'in al-Nawawi*. Saudi: Dar al-Surayya, 178.

98 Abd Al-Rahman Ba'lawi (1994) *Buqyah al-Murtarshidin*. Beirut: Dar al-Fikr, 9.

jiwa itu tidak ada bukti seperti itu sebagai contoh seseorang yang ragu-ragu terhadap najis di pakaian yang baru dibeli maka ini disebut *waswas*.

Perbahasan Tentang *Khawatir*

Perkataan *khawatir* dari sudut bahasa adalah pengawasan dari kebiasaan dan ketakutan terhadap kerosakan. *Al-Khawatir* adalah fikiran atau perintah yang datang secara tiba-tiba kepada hati manusia. Menurut al-Ghazali⁹⁹, perkataan *al-Khatir* merupakan perkataan berbentuk tunggal dari perkataan *al-khawatir* yang memberi makna sesuatu yang menggerakkan hati manusia. Imam al-Ghazali menambah, segala bentuk perilaku bermula dari *al-Khatir*, kemudian beralih kepada kecintaan [*al-Raghbah*], kemudian berpindah kepada keinginan yang kuat [*al-'Azm*], seterusnya keinginan yang kuat menggerakkan niat untuk melakukan sesuatu dan daripada niat akan menggerakkan anggota tubuh badan. Justeru, terdapat dua bahagian *al-Khatir* menurut pandangan Imam al-Ghazali: **Pertama:** *Al-Khatir* waswas yang berasaskan daripada syaitan kepada manusia untuk melakukan keburukan. Antara ciri-cirinya adalah berkhayal, syahwat, amarah dan perilaku yang tercela. **Kedua:** *Al-Khatir* ilhami yang berasaskan daripada malaikat untuk mendorong manusia melakukan kebaikan. Ciri-cirinya adalah dengan berfikir dan berzikir.

Perkara yang sama turut dibincangkan oleh Imam al-Qushairiy¹⁰⁰ yang berpandangan bahawa, *khawatir* adalah maklumat atau inspirasi yang datang dalam hati manusia samaada melalui syaitan, malaikat, bisikan hati atau secara langsung daripada Allah SWT. Justeru, Imam al-Qushairiy menambah, sekiranya maklumat atau inspirasi itu datang daripada malaikat maka perkara ini dinamakan sebagai ilham. Manakala sekiranya sesuatu itu datang daripada jiwa maka dinamakan sebagai angan-angan. Oleh itu, dapat difahami bahawa *al-Khawatir* merupakan maklumat dari luar yang menggerakkan hati manusia untuk melakukan sesuatu. Perilaku tersebut boleh membawa manusia ke arah kebaikan atau keburukan mengikut kategori-kategori yang telah dikemukakan oleh Imam al-Ghazali dan Imam al-Qushairiy.

99 Abu Hamid Muhammad al-Ghazali. tth. 'Ihya' 'Ulum al-Din Beirut: Dar al-Fikr. Vol. 2. 25.

100 Abu al-Qasim 'Abd al-Karim al-Hawazin al-Qushairiy (1988) Risalah al-Qushairiy fi 'Ilm al-Tasowwuf. Beirut: Dar al-Khair, 83-84.

PERBINCANGAN AL-KHAWATIR	IMAM AL-GHAZALI	IMAM AL-QUSHAIRIY	
Definisi	Sesuatu yang menggerakkan hati manusia	Maklumat atau inspirasi yang datang kepada hati manusia samadamelalui syaitan, malaikat, bisikan hati atau langsung daripada Allah SWT	
Kategori	1. Al-Khatir waswas 2. Al-Khatir Ilhami	Al-Khatir Syaitan(waswas) Al-Khatir Insani(angan-angan) Al-Khatir Maliki(ilham) Al-Khatir Rabbani(hakikat)	
Ciri-Ciri Bisikan		Al-Khatir Syaitan(waswas) Al-Khatir Insani(angan-angan) Al-Khatir Maliki(ilham) Al-Khatir Rabbani(hakikat)	
	Al-Khatir Waswas	Al-Khatir Syaitan	
	Berkhayal, syahwat, amarah dan perilaku yang tercela	Berbuat maksiat, kekufuran, kefasikan, kemusyrikan dan perbuatan jahat	
	Al-Khatir Ilhami	Al-Khatir Insani	
	Berpikir dan berzikir		1. Al-Khatir al-‘Aql: Kadang-kadang mengikut perintah Allah kadang-kadang sebaliknya.
			2. Al-Khatir al-Nafs: Mengajak manusia kepada keinginan nafsu.
			Al-Khatir Maliki
Berbuat taat, jujur dan ikhlas			
		Al-Khatir Rabbani	
		1. Al-Khatir al-Ruh 2. Al-Khatir al-Yaqin	
Rujukan	Ihya’ ‘Ulum al-Din	Risalah al-Qushairiy fi ‘Ilm al-Tasawwuf	

Jadual 1.0: Perbezaan Khawatir menurut Imam al-Ghazali dan Imam al-Qushairiy

Selain itu, Abu Talib al-Makki,¹⁰¹ juga telah membahagikan *khawatir* kepada sudut yang berbeza daripada Imam al-Ghazali dan Imam al-Qushairiy iaitu kepada sembilan bahagian seperti jadual berikut:

Bil	Proses	Jenis Khawatir
1	Sesuatu yang menjurus kepada kebaikan	Ilham [إلهام]
2	Sesuatu yang mengajak kepada kejahatan	Waswas [وسواس]
3	Jeritan jiwa menjurus kepada ketakutan	Ijas [إيجاس]
4	Keinginan melakukan kebaikan atau keburukan	Niat [نية]
5	Sesuatu yang membayangkan dan mengurus hal yang harus	Amal [أمل]
6	Sesuatu yang merenungkan seksaan dan keadaan akhirat	Tafakkur dan Tazakkur [تفكير / تذكر]
7	Perasaan sesuatu ghaib menjadi tampak nyata.	Musyadahad [مشاهدة]
8	Bisikan hati yang membicarakan kehidupan	Hamm [هم]
9	Bisikan yang membayangkan kebiasaan dan menentang syahwat	Lamam [لمم]

Jadual 2.0: Pembahagian khawatir menurut Abu Talib al-Makki

Kesimpulannya, terdapat pelbagai pembahagian *al-khawatir* yang dikumpul dan dijelaskan oleh Imam al-Ghazali, Imam al-Qushairiy dan Abu Talib al-Makki bagi membolehkan masyarakat Islam dapat mengenal pasti secara jelas apakah yang menggerakkan maklumat atau inspirasi di dalam hati manusia. Berdasarkan penjelasan ini menunjukkan bahawa terminologi *al-khawatir* merupakan inspirasi secara umum tanpa dikhususkan kepada mana-mana istilah yang lain pada permulaan gerakkan hati. Ini bermakna *al-khawatir* merupakan maklumat dan inspirasi asas sebelum beralih kepada jenis-jenis bisikan yang lain. Walaubagaimanapun, sekiranya maklumat atau inspirasi ini menjurus kepada beberapa aspek seperti penjelasan di jadual di atas maka jenis maklumat atau inspirasi itu boleh berubah kepada makna dan boleh membawa kepada perilaku yang berbeza.

101 Abi Talib al-Makki, Muhammad bin ‘Ali bin ‘Atiyah (2001) *Qut al-Qulub*. Al-Qaherah: Maktabah Dar al-Turath. Vol. 1. 356.

Perbahasan Tentang Ilham

Ilham merupakan perkataan dari bahasa Arab yang berasal daripada kata dasar *Lahima* yang membawa maksud menelan atau meneguk sesuatu. Terdapat satu kalimah ilham sahaja di dalam al-Quran iaitu pada surah al-Syams, al-Quran 91:7-8. Firman Allah SWT:

Terjemahan: Demi diri manusia dan Yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya); (7) Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertaqwa; - (8)

Menurut Ibn Manzur¹⁰³, dalam karyanya “*Lisan al-‘Arab*” ilham merupakan jenis-jenis wahyu yang Allah SWT campakan ke dalam jiwa seseorang untuk menghindar atau membantu melakukan sesuatu perkara. Manakala istilah ilham yang digunakan oleh al-Raghib¹⁰⁴ merujuk kepada melemparkan sesuatu ke dalam jiwa yang khusus daripada Allah SWT atau malaikat. Manakala Ma’ruf Zariq¹⁰⁵ menta’rifkan ilham sebagai ilmu ladunni yang tidak boleh dicapai melalui pembelajaran dan usaha dan dicampakan ke dalam hati tanpa diketahui oleh manusia. Seterusnya al-Jurjani¹⁰⁶ menjelaskan makna ilham bukan dari sudut keagamaan iaitu sesuatu yang dicampakkan ke dalam hati dengan cara limpahan samada berbentuk pengetahuan dan mengajak kepada amal tanpa melihat kepada dalil dan tanpa melihat kepada hujah.

Berdasarkan penjelasan di atas, ilham atau gerak hati dalam jiwa manusia samada daripada malaikat ataupun Allah SWT bagi mengajak, menghindar dan membantu dalam sesuatu perkara tanpa merujuk kepada dalil dan hujah. Manusia akan terpuji apabila mereka mengamalkan untuk kebaikan dan menjadi tercela apabila mereka mengamalkan dengan kejahatan. Menariknya, Abdul Latif¹⁰⁷ berpandangan ilham atau inspirasi disandarkan kepada orang yang terpuji manakala jika sandaran terhadap kejahatan maka dipanggil sebagai waswas.

102 Ibn Manzur (1990) *Lisan al-‘Arab*. Beirut: Dar al-Sadir. Vol. 12, 554.

103 Ibid., Vol. 12, 555.

104 Al-Asfahani, al-Raghib (1997) *Mufradat al-Faz al-Quran*. Beirut: Dar al-Qalam, 748.

105 Ma’ruf Zariq (1989) *‘Ilm al-Nafs al-Islamiy*. Damsyik: Dar al-Ma’rifah, 95.

106 Al-Jurjani (1938) *al-Ta’rifat*. Qaherah: Matba’ah Mustafa al-Bab al-Halabi wa Awladuh, 162.

107 Abdul Latif Abdul Razak (2014) *Obsessive-Compulsive Disorder : Its What And How From An Islamic Perspective*. GJAT. Vol. 4, 9.

Perbahasan Tentang Al-Ihtiyat

Perkataan *al-Ihtiyat* [احتياط] merupakan kata terbitan dari kalimah *Ihtat* [احتاط] yang membawa maksud berwaspada¹⁰⁸. *Ihtiyat* dibina atas faktor *thiqqah* iaitu kepercayaan. Namun, terdapat pandangan bahawa *ihtiyat* adalah sangat berjaga-jaga daripada berbuat salah dan berbuat dengan penuh ketelitian. Manakala dari segi istilah adalah menjaga diri dari terjebak ke dalam dosa¹⁰⁹. Manakala Ibn Qayyim¹¹⁰ berpandangan bahawa, *ihtiyat* adalah pertimbangan yang bersangatan dalam mengikuti Sunnah Rasulullah SAW dan para sahabat tanpa wujud unsur keterlaluhan, berlebih-lebihan, kecuaihan dan kelalaian. Justeru dapat difahami bahawa *Ihtiyat* merupakan kewaspadaan terhadap sesuatu yang dipercayai untuk mengelakan diri dari terjebak dalam perbuatan dosa.

Perbahasan Tentang Wara'

Berhubung dengan perkataan *al-Wara'* [الورع] yang membawa makna menahan diri dari berbuat sesuatu perkara yang shubahat yang membolehkan terjerumus dalam perkara yang diharamkan¹¹¹. Menurut Syeikh Jibrin¹¹², *wara'* adalah meninggalkan dua perkara yang mempunyai kebersamaan yang timbul dari syak samada dari aspek muamalat dan perkataan sepertimana sabda Rasulullah SAW:

دَعُ مَا يَرِيْبُكَ إِلَىٰ مَا لَا يَرِيْبُكَ

Terjemahan: “*Tinggalkanlah apa-apa yang meragukan kamu, bergantilah kepada apa yang tidak meragukan kamu*”

108 Ali bin Muhammad Sayyid al-Sharif al-Jurhani. Mu'jam Al-Ta'rifat. Dar al-Fadhilah, 13.

109 Ibid.

110 Ibn Qayyim al-Jauziyyah. Al-Ruh.

111 'Ali bin Muhammad Sayyid al-Sharif al-Jurhani (1938) Mu'jam Al-Ta'rifat. Dar al-Fadhilah, 211.

112 'Abdullah bin 'Abdurahman al-Jibrin. 9 Februari 2017. "الفرق بين الورع والاحتياط والوسوسة وبيان معانيها". no. Fatawa. 534. <http://www.ibn-jebreen.com/fatwa/vmasal-534-.html>.

ISTILAH BAHASA ARAB	ISTILAH BAHASA INGGERIS	CIRI-CIRI
Waswas [وسواس]	Obsessive/ Scruplosity	Terdapat 3 jenis iaitu Waswas Syaitan, Waswas al-Qahriy dan Waswas jiwa.
Khawatir [الخواطر]	Inspiration	1. Waswas syaitan 2. Ilham 3. Hakikat 4. Angan-angan 5. Rabbani
Syak [تشك]	Suspicion/ Doubt	Nisbah kebolehpercayaan 50:50. Mempunyai kaitan dengan perkataan بئيرلا بئيرلا = syak + tohmah. Wujud sifat wara' sekiranya meninggalkan perkara yang syak.
Wara' [ورع]	Devoutness	Menahan dari perbuatan <i>shubhat</i> yang timbul dari syak.
Ilham [إلهام]	Inspiration	Berkemampuan memperoleh pengetahuan. Tidak boleh dicapai melalui pembelajaran dan usaha. Mengajak untuk mengamalkan sesuatu yang baik. Bersumberkan daripada malaikat dan Allah SWT.
Al-Ihtiyat [طائتحة]	Caution	Pertimbangan yang sewajarnya tanpa wujud unsur keterlaluan dan berlebih-lebihan. Wujud perbezaan dengan istilah wara'.

Jadual 3.0: Perbezaan istilah semakna waswas dalam bahasa Arab dan ciri-cirinya

	CIRI-CIRI PERSAMAAN	CIRI-CIRI PERBEZAAN	
WASWAS	Merupakan salah satu dari jenis Khawatir.	Tidak semua khawatir adalah waswas.	KHAWATIR
	Boleh terjadi waswas jika syak berlaku secara berulang kali.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melibatkan keyakinan dan ragu-ragu pada angaran 50/50. Manakala waswas tidak ada langsung peratusan keyakinan dalam diri. 2. Terdapat bukti secara pancaindera yang empat dan pengetahuan yang benar. Manakala waswas hanya melibatkan keraguan yang tidak logik dengan akal fikiran. 	SYAK
	Tidak Ada	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sifat orang yang bertaqwa yang menjurus kepada perbuatan yang baik. Manakala waswas merujuk kepada perbuatan yang jahat. 	WARA'
	Tidak Ada	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bersumberkan daripada malaikat atau Allah SWT. Manakala waswas daripada syaitan atau jiwa. 2. Tidak memerlukan usaha dan pengetahuan. Manakala waswas memerlukan kejahilan dan keraguan yang tidak logik dalam konteks ilmu pengetahuan. 3. Ilham menjurus kepada perbuatan yang baik. Manakala waswas mengarah kepada perbuatan jahat. 	ILHAM
	Tidak Ada	<ol style="list-style-type: none"> 1. Berjaga-jaga dari terlibat dalam sesuatu yang merosakan amalan berdasarkan sunnah dan tidak ada unsur keterlaluan. Manakala waswas berjaga-jaga yang ditambah dengan unsur keterlaluan dalam amalan yang tidak ada puncanya menurut agama Islam. 	AL-IHTIYAT

Jadual 4.0: Ciri-ciri persamaan dan perbezaan diantara waswas dan lima istilah.

Kesimpulan

Berdasarkan penjelasan di atas terdapat persamaan 2 istilah yang ketara dengan kalimah waswas iaitu khawatir dan syak. Namun, persamaan ini hanya berlaku sekiranya ia melibatkan perbuatan yang dilakukan berulang kali secara berterusan. Keadaan ini boleh berubah menjadi waswas jika tidak ada kawalan secara berterusan sepertimana pandangan Uthaimin dalam perbincangan mengenai syak yang menjelaskan kemungkinan berlaku waswas sekiranya syak terjadi berulang kali. Manakala tiga istilah yang dikaitkan dengan waswas iaitu wara', ihtiyat dan ilham sama sekali tidak wujud persamaan di antara satu sama lain. Bahkan hanya wujud perbezaan yang ketara. Justeru, pengkaji menyimpulkan bahawa lima istilah ini mempunyai perbezaan dengan istilah waswas dalam 2 aspek utama iaitu peratusan keyakinan terhadap sesuatu perbuatan dan keterlaluan atau berlebih-lebihan dalam beramal tanpa hujah yang jelas.

Rujukan

Al-Quran

- 'Abd al-Karim al-Hawazin bin 'Abd Malik Qushairiy al-Naisaburi al-Syafe'i. (2007). *Lataif al-Isyarat*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 'Abd Al-Rahman Ba'lawi. (1994). *Buqyah al-Murtarshidin*. Beirut: Dar al-Fikr.
- 'Abdullah bin 'Abdurahman al-Jibrin. 9 Februari 2017. "الفرق بين الورع والاحتياط والوسوسة وبيان معانيها". no. Fatawa. 534. <http://www.ibn-jebreen.com/fatwa/vmasal-534-.html>.
- 'Ala al-Din 'Ali bin Muhammad bin Ibrahim al-Baghdadi al-Syahir bi al-Khazin. (2004). *Lubab al-Ta'wil Fi Ma'ani al-Tanzil*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 'Ali bin Muhammad al-Sayyid al-Sharif al-Jurjani. *Mu'jam al-Ta'rifat*. al-Qaherah: Dar al-Fadhilah.
- 'Ali Bin Muhammad bin Habib al-Mawardiyy al-Basriy. tth. *Al-Nukat wa al-'Uyun Tafsir al-Mawardiyy*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abdul Latif Abdul Razak. (2014). *Obsessive-Compulsive Disorder: Its What And How From An Islamic Perspective*. GJAT. Vol. 4.
- Abi 'Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr al-Qurtubi. (2006). *Al-Jami' Li Ahkam al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Abi al-Husain Ahmad bin Faris bin Zakariya. (1972). *Mu'jam Maqayis fi al-Luqah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abi Talib al-Makki, Muhammad bin 'Ali bin 'Atiyyah. (2001). *Qut al-Qulub*. al-Qaherah: Maktabah Dar al-Turath.

- Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukram. Ibn Manzur, (1990). Lisan al-‘Arab.
- Abu al-Qasim ‘Abd al-Karim al-Hawazin al-Qushairiy. (1988). Risalah al-Qushairiy fi ‘Ilm al- Tasowwuf. Beirut: Dar al-Khair.
- Abu Hamaid al-Ghazali. (2004). Ihya’ ‘Ulum al-Din. Qaherah: Dar al-Hadith.
- Ahmad al-Maghrabi. t.th. Al-Misbah al-Munir. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah. al-Ish’a’ al-Islamiy <https://www.islam4u.com/ar/daily-questions/%D9%85%D8%A7>
- Al-Jurjāni, Abū al-Hasan ‘Ali bin Muhammad. 2000. al Ta’rifāt. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Mawsu’ah al-Fiqhiyyah. (1983). Quwaid: Wizarah al-Awqaf wa al-Syuun al-Islamiyyah.
- Al-Raghib al-Asfahaniy. (2009). Mufradat al-faz al-Quran. Beirut: Dar al-Qalam.
- Asyumi A Rahman. (1976). Qaidah-qaidah fiqh. Jakarta: Bulan Bintang.
- Ayyub Bin Musa al-Husain al-Kafawiy. (1998). Al-Kulliyat Mu’jam fi al-Mustolahat al-Furuq al-Luqawiyah. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Dusuki Ahmad. (2012). Kamus Pengetahuan Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Hans Wehr, A Dictionary of Modern Written Arabic. ed 4. Urbana: Spoken Language Services Inc,
- Hasan Muhammad Syarqawi. (2002). Nahwa ‘Ilm-Nafs Islami. Iskandariyah: Muassasah Shabab al-Jami’ah.
- Ibn Faris. t.th. Mu’jam Maqayyis al-Lughah. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Qayyim. t.th. Tafsir al-Qayyim. Beirut: Dar Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Isma’il bin ‘Umar bin Kathir al-Qurashiy al-Dimasyqi. (1999). Tafsir al-Quran al-‘Azim. Riyadh: Dar al-Taybah.
- Ma’ruf Zariq. (1989). ‘Ilm al-Nafs al-Islamiy. Damsyik: Dar al-Ma’rifah.
- Muhammad bin Abi Bakr bin ‘Abd al-Qadir al-Razi. 1989. Mukhtar al-Sihah. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Muhammad bin Jarir Ibn Yazid Ibn Ghalib al-Tobari al-Amuli. (1994). Tafsir al-Tobari, Jami’ al-Bayan Min Kitabihi ‘An al-Ta’wil Ay al-Quran. Beirut: Muassasah al-Risalah.

- Muhammad Fuad ‘Abd al-Baqi. (2002). *al-Mu’jam al-Mufahras li Alfaz al-Quran al-Karim*. Beirut: Dar Ma’rifah.
- Muhammad Saleh bin Uthaimin. (2004). *Sharh al-Arba’in al-Nawawi*. Saudi: Dar al-Surayya.
- Muhammad Sayyid Tantawi. (1985). *Tafsir al-Wasit li al-Quran al-Karim*. Mesir: ttp.
- Noresah Baharom. (2016). *Kamus Dewan edisi 4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ruzbihan Baqli al-Shirazi. (2008). *‘Arais al-Bayan fi Haqaiq al-Quran*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Toriq ‘Ali Habib. (2003). *al-Waswas al-Qahriy Mard al-Nafsiy Am Ahadith Syaitaniyyah*. Riyadh: Maktabah Malik Fahd.
- Wan Adli Wan Ramli, Mohamad Kamil Hj Ab Majid. (2011). *Falsafah Ilmu Islam dalam Aplikasi Praktikal*. *Jurnal Usuluddin*.
- Zainal al-‘Abidin Ibrahim al-Syahir ibn Nujaim. (1985). *Ghamzu ‘Uyun al-Basa’ir Hasyiah ‘ala Asybahwa al-Nazair*. Beirut: Dar Kutub al-‘Ilmiyyah.

**PENGAJARAN KURSUS ULUM HADITH DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI
AWAM: TINJAUAN LITERASI TERHADAP PENDEKATAN PENGAJARAN
MASA KINI**

Shumsudin Yabi

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: 06-7986712 E-Mail: shumsudin@usim.edu.my

Syulhanif Kadri

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: 014-5150058 E-Mail: syulhanif@gmail.com

Zulhilmi Mohd Nor

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: 06-7986733 E-Mail: zulhilmi@usim.edu.my

Mohd Fauzi Mohd Amin

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: 06-7986703 E-Mail: fauziamin@usim.edu.my

Abstract

Hadith is the second source of Islamic law. Learning Hadith is important because it is the knowledge that plays a role in preserving the purity of the hadith applied in life. Therefore, this article is to study the teaching approaches that can be applied to the Ulum Hadith subjects offered at higher education institutions in Malaysia and identifying opportunities to reinforce the Ulum Hadith teaching approach. This study uses document analysis and articles related to education, Islamic Studies, as well as approaches in teaching. The findings show that among the approaches in the teaching and learning of the Ulum Hadith subjects in higher learning institutions are lecturers should act as muallim, producing meaningful learning with student-centered teaching, using an eclectic approach that combines all or part of the features of a method into new methods, using tables and diagrams in learning, mastering the four pedagogical skills of the Prophet, and implementing active learning. The study is expected to help improve Ulum Hadith's teaching system at Malaysian institutions of higher learning.

Keywords: Ulum Hadith, teaching approach, IPTA, Islamic studies.